



Ruj Kami : JANM.BPOPP.600-15/4/6(3)
Tarikh : 31 Januari 2024

Ketua Akauntan, Bahagian Akaun Kementerian

Pengarah JANM Negeri/Cawangan

YBhg Datin/ Tuan/ Puan,

SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 5 TAHUN 2024

HAD KEKERAPAN PENGGUNAAN *ONE TIME VENDOR* (OTV) DI iGFMS

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana Surat Edaran BPOPP Bilangan 2 Tahun 2023 bertarikh 29 Mac 2023, kekerapan penggunaan *One Time Vendor* (OTV) di bawah kod vendor 10001 dan 10009 di sistem iGFMS dihadkan sebanyak tiga (3) kali. Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada ketetapan terkini iaitu **sebagaimana yang diputuskan di dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 1 Tahun 2024 bertarikh 30 Januari 2024, kekerapan penggunaan *One Time Vendor* (OTV) bagi kod vendor 10001 dan 10009 di sistem iGFMS dihadkan sebanyak sekali sahaja untuk setiap ID penerima bayaran bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam tempoh setahun selari dengan objektif dan perihal *one time vendor* mengambilkira kawalan ke atas risiko penggunaan OTV. Ini bagi memastikan penggunaan OTV adalah terkawal penggunaannya kepada keperluan operasi tertentu sahaja. Kod vendor OTV selain 10001 dan 10009 seperti di **Lampiran 1** tidak terlibat dengan had ini kerana kod vendor diwujudkan bagi penggunaan sistem yang berintegrasi.**

3. **Pelaksanaan ini berkuatkuasa pada 1 Februari 2024** dan sekiranya penggunaan OTV melebihi sekali dalam tempoh setahun untuk setiap ID penerima berkenaan, Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mewujudkan kod vendor yang bersesuaian untuk meneruskan bayaran.

4. Sehubungan dengan itu, **kerjasama Pejabat Perakaunan untuk memanjangkan perkara ini kepada PTJ.** Surat edaran ini membatalkan Surat Edaran BPOPP Bilangan Bilangan 2 Tahun 2023 bertarikh 29 Mac 2023.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN C.A.(M))

Pengarah

Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan

b/p Akauntan Negara Malaysia

s.k :

YBrs. Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

LAMPIRAN 1

No.	Kod Vendor OTV	Nama Vendor OTV	Keterangan Bagi Penerima Bayaran Vendor OTV
1.	10000	Saraan Federal Government	Penerima bayaran yang ditetapkan untuk Modul HCM seperti penerima bayaran nafkah atau penerima bayaran saraan.
2.	10001	EMP2 – Pendapatan Bercukai	Penerima bayaran untuk pegawai/ kakitangan awam yang belum didaftarkan di dalam kategori Kod Vendor EMP atau pegawai/ kakitangan awam yang di bawah arahan Tahan Gaji atas sebab tertentu.
3.	10002	Factoring Vendor OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh pihak ePerolehan sebagai penerima bayaran syarikat Pemfaktoran
4.	10003	INSIST OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia melalui sistem INSIST
5.	10004	eCourtFinance OTV	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Kehakiman melalui sistem eCourtFinance
6.	10005	eBantuan	Penerima bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk penerima bayaran bantuan JKM melalui sistem eBantuan.

No.	Kod Vendor OTV	Nama Vendor OTV	Keterangan Bagi Penerima Bayaran Vendor OTV
7.	10007	Penerima GUMIS	Penerima bayaran bagi bayaran balik Wang Tak Dituntut.
8.	10008	Deposit AR	Penerima bayaran bagi keadaan bayaran balik Deposit Am.
9.	10009	OTV-Arahan Pembayaran	Penerima bayaran yang tidak didaftarkan di dalam Data Induk Penerima Bayaran iGFMS bagi bayaran secara one off yang dikhususkan untuk Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan sahaja.
10	10010	eLembaga Peperiksaan	Penerima Bayaran yang ditetapkan bagi Lembaga Peperiksaan